

Banjir ragut nyawa

Dua lemas,
satu hilang
di Kelantan

KUALA LUMPUR: Banjir yang melanda empat negeri sejak tiga hari lalu bertambah buruk dan meragut dua nyawa manakala seorang lagi hilang di Kelantan, semalam.

Sehingga lewat malam tadi, 1,683 mangsa dipindahkan ke 31 pusat pemindahan di Terengganu, Kelantan, Melaka dan Johor.

Dalam kejadian pertama, dua beradik lemas ketika mandi di tali air sedalam dua meter di Kampung Tualang, dekat Jelawat, Bachok. Ahmad Fathi Asyraf Roslan, 14, dan adiknya, Mohd Arif Hukmi, 10, dikatakan mandi

LIHAT MUKA 6

BERNAMA



BEBERAPA penduduk terpaksa menumpang lori Jabatan Kerja Raya untuk keluar selepas jalan hubungan terputus akibat banjir di Kampung Bukit Pepari, Terengganu, semalam.

Setiu teruk, Sungai Golok paras bahaya

DARI MUKA 1

bersama sepupu mereka, Azhar Fakhir, 13, jam 2 petang dan kehilangan hanya disedari bapa mangsa, Roslan Abd Ghani, 46, selepas dimaklumkan penduduk kampung.

Mangsa yang hilang adalah Mohd Raihan Haslan, 15, selepas hanyut dibawa arus ketika mandi di tali air di Kampung Lubok Tapak, Lemal, Pasir Mas, petang semalam.

Di **TERENGGANU**, hingga jam 6 petang semalam, 1,749 daripada 409 keluarga dipindahkan ke 29 pusat pemindahan di Besut, Setiu dan Hulu Terengganu.

Daerah Setiu paling teruk terjejas apabila 1,253 daripada 274 keluarga dipindahkan, manakala 431 mangsa daripada 103 keluarga di daerah Besut ditempatkan di 103 pusat pemindahan dan 105 daripada 32 keluarga berpindah ke dua pusat pemindahan di Hulu Terengganu.

Sementara itu, 50 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) terpaksa menaiki bot ke pusat peperiksaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Menerong di Kuala Berang apabila kampung mereka ditenggelami air.

Semua calon dari Kampung Pengkalan Ajal diangkut ke pusat peperiksaan menggunakan perahu dan bot bomba bagi membolehkan mereka menduduki peperiksaan.

Di **KELANTAN**, 290 mangsa banjir membabitkan 65 keluarga di empat jajahan dipindahkan selepas beberapa kampung dan kawasan rendah ditenggelami air 0.5 meter hingga satu meter. Empat jajahan menerima hujan lebat sejak kelmarin adalah Machang, Pasir Puteh, dan Pasir Mas, selain Kota Bharu.

Hingga jam 6 petang, lapan mangsa dipindahkan di Kampung Joh, Machang; Taman Sri Mulong (207), Taman Tiong, Kota Bharu (25), Kampung Kundor, Pasir Puteh (27) dan 23 lagi penduduk sekitar Pasir Mas.

Jurucakap Unit Hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, berkata bacaan pada mesin telemetrik yang merekodkan aras air menunjukkan hanya Sungai Golok di Rantau Panjang mencatatkan bacaan bahaya iaitu 9.1 meter.

Empat lagi sungai utama tempat menyukat air, Sungai Galas di Daibong mencatatkan 33.76 meter, iaitu paras waspada; Sungai Lebir di



PENDUDUK Kampung Tasek, Setiu terpaksa menggunakan jentolak yang disediakan Majlis Daerah Setiu untuk keluar membeli barang keperluan harian.

Kampung Tualang 32.62 meter (amaran), Sungai Kelantan di Kuala Krai 22.83 meter (amaran), Jambatan Guilemard Kusial 14.42 meter (amaran) dan Tambatan Diraja Kota Bharu 2.50 meter (normal).

Bagaimanapun, bacaan Sungai Golok di Rantau Panjang sudah melebihi paras bahaya, iaitu 9.11 meter dan Sungai Jenob di Pasir Mas 23.21 meter pada paras waspada.

K keadaan banjir di Melaka dan Johor tidak berubah dengan masing-masing 50 dan 23 mangsa di tempatkan di pusat pemindahan.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengeluarkan amaran hujan lebat tahap merah di Tereng-

ganu dan Pahang, tahap jingga di Kelantan dan masing-masing tahap kuning di Kedah serta Perlis.

Setiausaha Bahagian Pengurusan Bencana Negara MKN, Ogu Salim Omar, berkata hujan lebat berterusan menyebabkan paras air di beberapa sungai di negeri terbabit meningkat melepasi tahap amaran.

“Operasi pemindahan giat dijalankan oleh pasukan keselamatan di Terengganu, Kelantan, Melaka dan Johor. Pada masa sama kita bersedia menghadapi banjir di Kedah dan Perlis. Kira-kira 28,000 anggota pasukan keselamatan dikerah ke kawasan bencana,” katanya.